



KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA
SYARIKAT PELANCONGAN DIDENDA RM50,000 KERANA GAGAL
MENGGUNAKAN KHIDMAT PEMANDU PELANCONG BERLESEN

Mahkamah Majistret 2, Selayang, Selangor pada 1 Disember 2025 telah menjatuhkan hukuman terhadap syarikat **Coachliner 707 Travel & Tours Sdn. Bhd. [No. Daftar Syarikat : 199001007808 (199378 – K)]** selepas syarikat tersebut mengaku bersalah atas pertuduhan gagal menggunakan khidmat pemandu pelancong berlesen ketika mengendalikan aktiviti pelancongan dalam negeri.

Majistret Tuan Chai Guan Hock telah mensabitkan syarikat tersebut (selepas ini dirujuk sebagai Orang Kena Saman – “OKS”) atas kesalahan di bawah Peraturan 6(1)(i)(iii) dibaca bersama Peraturan 6(2) Peraturan-Peraturan Industri Pelancongan (Perniagaan Pengendalian Pelancongan dan Perniagaan Agensi Pengembaraan) 1992 [P.U.(A) 333/1992].

Bagi kesalahan tersebut, Mahkamah telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak **Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu (RM50,000.00)** terhadap OKS. Sekiranya gagal menjelaskan denda tersebut, syarikat boleh dikenakan hukuman penjara selama dua (2) tahun.

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) menegaskan bahawa kesalahan di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482] dan peraturan-peraturan di bawahnya merupakan kesalahan jenayah yang serius. MOTAC akan terus melaksanakan tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang melanggar undang-undang, khususnya melibatkan kegagalan menggunakan khidmat pemandu pelancong berlesen yang boleh menjejaskan imej dan keselamatan industri pelancongan negara.

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA (MOTAC)
9 Disember 2025

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA (MOTAC)

Tel: 03-8000 8000 Fax: 03-8891 7181

Website: www.motac.gov.my Email: group.ukk@motac.gov.my Facebook, Instagram, X & TikTok:
[@mymotac](#)